



PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH  
PEJABAT SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Email : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

14 November 2023

## KENYATAAN MEDIA PAC

### LAPORAN PAC BERHUBUNG KEMAJUAN PROJEK PEMBANGUNAN KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA – *LITTORAL COMBAT SHIP* (LCS) TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM) DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA (MINDEF) BAGI TEMPOH JUN HINGGA SEPTEMBER 2023

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan Laporan Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combat Ship* (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) bagi Tempoh Jun Hingga September 2023.
2. Ini adalah kali kedua PAC Parlimen ke-15 membentangkan Laporan LCS selepas kali pertama dibentangkan pada 9 Oktober 2023. Bagi laporan ini, PAC mengadakan 1 prosiding berhubung perkara ini iaitu pada 3 Oktober 2023. Dalam prosiding berkenaan, saksi yang hadir di hadapan PAC adalah seperti berikut:
  - i. Dari MINDEF:
    - a) **Datuk Seri Isham bin Ishak**, Ketua Setiausaha;
    - b) **Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad**, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan); dan
    - c) **Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph**, Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS TLDM.

- ii. Dari Syarikat BNS:
  - a) **Encik Izaddeen bin Daud**, Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah; dan
  - b) **Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat**, Ketua Pegawai Eksekutif.
3. PAC juga bersama dengan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, **Tan Sri Dato' Johari bin Abdul** telah mengadakan satu sesi lawatan kerja ke limbungan kapal Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNS) pada 5 Oktober 2023 untuk melihat kemajuan kerja-kerja pembinaan LCS yang sedang dilaksanakan.
4. Mesyuarat penyediaan laporan ini dibuat pada 26 Oktober 2023 dan turut hadir sama, tujuh ahli Ex-Officio PAC terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi dan Jabatan Akauntan Negara yang bersetuju dengan laporan, rumusan dan syor.
5. Secara keseluruhannya, laporan ini menyatakan mengenai perkara-perkara seperti berikut:-
  - a) kontrak tambahan 6 (SA6);
  - b) perincian kos tambahan berjumlah RM 2.098 bilion;
  - c) garis masa projek LCS,
  - d) pengambilalihan BNS oleh Syarikat Bertujuan Khas milik Menteri Kewangan Diperbadankan iaitu Ocean Sunshine Berhad; dan
  - e) varian kemajuan kerja projek LCS sehingga 25 September 2023.

6. Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC berhubung Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – LCS TLDM di bawah MINDEF bagi Tempoh Jun Hingga September 2023 terutama rumusan dan syor, boleh memuat turun laporan berkenaan di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac)

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin**  
**Pengerusi PAC Parlimen**